

Sebanyak 48,077 suami isteri Islam bercerai dalam tempoh Januari-Julai tahun ini

Kes rumah tangga roboh meningkat

serta kaedah yang akan diambil kementerian bagi menangani perkara tersebut.

Azizah berkata, menyedari masalah tersebut, pihaknya melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan termasuk menyediakan perkhidmatan kaunseling kekeluargaan, diselia Unit Kaunseling Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di setiap negeri.

Beliau berkata, unit kaunseling itu dikendalikan 17 kaunselor dan 61 kaunselor panel bertauliah.

Menurut Azizah, kementeriannya juga akan menambah baik modul kursus perkahwinan sedia ada dengan

mengambil kira aspek media sosial yang mampu menjadi punca utama krisis rumah tangga sehingga menyebabkan berlakunya perceraian.

Sementara itu, bagi statistik perceraian melibatkan pasangan bukan Islam, kementerian merekodkan sebanyak 4,939 kes pasangan bercerai dalam tempoh Januari hingga September tahun ini.

Azizah memberitahu, daripada jumlah tersebut, Johor mencatatkan kes pasangan bukan Islam bercerai tertinggi iaitu 991 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (785) dan Sarawak (621).

"Pasangan Cina menca-



KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan perceraian pasangan suami isteri Islam. - Gambar hiasan

INFO

Kes perceraian pasangan Islam di Malaysia

Statistik kes cerai

Tahun	Jumlah kes
2015 (Jan-Ogos)	38,035
2014	53,870
2013	49,663
2012	48,029
2011	43,749
2010	41,544

KOSMO
15/11/16
MIS 2

Pecahan perceraian 2016

Januari - 10 Julai: Pasangan Islam - 48,077 kes
Januari - September 2016: Pasangan bukan Islam - 4,939 kes

Pecahan pasangan Islam bercerai ikut masa

1 bulan: 8,012 kes
1 hari : 267 kes
1 jam : 11 kes

Punca perceraian pasangan Islam

Tiada persefahaman
Suami tidak bertanggungjawab
Isteri curang

Peratus

56.2
15.2
11.8

takan kadar perceraian tertinggi sejak 2014 hingga September tahun ini iaitu 16,844 pasangan, India (3,689) dan kaum lain (1,456 kes)," kata beliau.

Katanya, pendaftaran

perceraian pasangan bukan Islam dilakukan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara manakala bagi pasangan Islam, kes-kes perceraian dilakukan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Proses cerai bukan Islam lebih ketat

KUALA LUMPUR - Pakar-pakar sosiologi berpendapat kes perceraian pasangan bukan Islam yang kecil berbanding pasangan Islam berpunca daripada syarat ketat untuk bercerai yang dikenakan terhadap pasangan bukan Islam.

Pakar Sosiologi dan Antropologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Dr. Fatimah Daud berkata, antara syarat perceraian pasangan bukan Islam ialah mereka hanya boleh bercerai selepas hidup sebumbung untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun dan permohonan perceraian di mahkamah itu pula hanya boleh dilakukan selepas pasangan itu sudah berpisah selama dua tahun.

"Perkara tersebut menjadi salah satu sebab pasangan bukan Islam hanya akan berkahwin sekiranya mereka benar-benar bersedia untuk melayari onak duri kehidupan berkeluarga," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Selain faktor syarat bercerai yang ketat, Fatimah yang juga Presiden Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia berkata, isteri pasangan bukan Islam juga lazimnya meminta harta yang banyak daripada suami masing-masing jika perceraian berlaku.

Sementara itu, Pakar Sosiologi, Datuk Dr. Wan Abdul Halim Othman turut melontarkan pandangan sama iaitu pasangan bukan Islam tidak akan mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum mereka bersedia untuk hidup bersama sehingga ke akhir hayat.

"Jadi faktor tersebut juga menjadi punca kes perceraian pasangan bukan Islam amat kecil. Sebaliknya undang-undang syariah di Malaysia yang memudahkan urusan perceraian pasangan Islam menjadi penyebab peningkatan kes perceraian pasangan tersebut," katanya.

KUALA LUMPUR - Sebanyak 48,077 kes perceraian melibatkan pasangan beragama Islam direkodkan dalam tempoh Januari hingga 10 Julai tahun ini iaitu meningkat enam peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun

(gambar kecil) berkata, daripada jumlah tersebut, tiga negeri yang mencatatkan kes tertinggi perceraian ialah Selangor (7,731) diikuti Sabah (6,638) dan Johor (4,700).



"Kajian mendapati kebanyakan perkahwinan kali pertama yang berakhir dengan perceraian atau perpisahan adalah dalam tempoh lima tahun dan ke bawah.

"Antara punca utama perceraian yang dikenal pasti ialah tiada persefahaman (56.2 peratus), suami tidak bertanggungjawab (15.2 peratus) dan isteri curang (11.8 peratus)," kata beliau ketika menjawab soalan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Pas-Rantau Panjang) pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Siti Zailah bertanya mengenai statistik terkini perceraian di negara ini sejak 2014 hingga 2016 mengikut pecahan negeri dan bangsa